



Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera/Bukan Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi Jawatan Akademik Tetap/Kontrak di Universiti Teknologi MARA, Cawangan Johor, Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang.

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (AKADEMIK)					
1.	PROFESOR	VK7	Pensyarah UiTM	RM 7,676.00	RM 20,592.00
2.	PROFESOR MADYA	DM53	Pensyarah UiTM	RM 6,162.00	RM 13,235.00
3.	PENSYARAH KANAN	DM51	Pensyarah UiTM	RM 5,855.00	RM 12,445.00
4.	PENSYARAH	DM45	Pensyarah UiTM	RM 3,070.00	RM 11,095.00
Nota : 1. Sila rujuk senarai Fakulti dan Bidang yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah/Pensyarah Kanan/ Profesor Madya/Profesor di Jadual 1 .					

JADUAL 1

**FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN
BAGI JAWATAN PENSYARAH (DM45)/ PENSYARAH KANAN (DM51)/
PROFESOR MADYA (DM53)/ PROFESOR (VK7)**

FAKULTI / KOLEJ	BIDANG PENGAJARAN
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan	Pemasaran
Kolej Pengajian Kejuruteraan	Elektronik Komputer

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UiTM : Bidang - **Pemasaran (Kampus Segamat)**
- **Elektronik Komputer (Kampus Pasir Gudang)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

- (c) (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
- (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau
- (iii) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51

- (d) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)

- (e) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred VK7: RM7,676.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Pemohon-pemohon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
2. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui **Ketua Jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini**.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan bersama salinan dokumen berikut yang telah disahkan:
 - Kad Pengenalan
 - Sijil Berhenti Sekolah, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Sijil, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, Ph.D (Skrol dan Transkrip Akademik/Terperinci)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
4. Bagi permohonan jawatan **Pensyarah/Pensyarah Kanan/Profesor Madya/Profesor**:
 - a) Pemohon-pemohon berkelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki **CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan** atau yang setaraf diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. (Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara)
 - b) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D).
5. Nama Jawatan/Bidang & Fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di **penjuru atas sebelah kiri sampul surat** permohonan.
6. **Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari Jabatan Kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang tidak melalui majikan tidak akan diproses.**
7. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
8. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.
9. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA (BORANG PERJAWATAN UiTM 76/13 (III) Pindaan 8/2007) yang boleh didapati sendiri di Pejabat Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat atau boleh juga diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Johor di <https://johor.uitm.edu.my/index.php/fasiliti/iklan>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **9 Mei 2022**.

Sila kemukakan permohonan kepada:



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR
KAMPUS SEGAMAT
JALAN UNIVERSITI OFF KM. 12 JALAN MUAR
85000 SEGAMAT
JOHOR DARUL TA'ZIM**

No Tel : +(607)-935 2339 / 2273 / 2020